



## JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

PUBLIC SERVICE DEPARTMENT OF MALAYSIA

Bahagian Perkhidmatan

Service Division

Aras 1, 6 & 7, Blok C2, Kompleks C

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62510 PUTRAJAYA

MALAYSIA



Tel: 603-80008000

Faks (Fax): 603-8889 2205 / 2204 / 2202

Laman Web (Web): [www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my)

Ruj. Kami : JPA.BK 306/3/2/12 (62)  
Tarikh : **4** Februari 2015

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

### URUSAN PENYIMPANAN DATA/ BORANG LAPORAN PENILAIAN PRESTASI TAHUNAN (LNPT) BAGI PEGAWAI SKIM PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Seperti mana YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan sedia maklum, pengisian Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) telah dilaksanakan secara atas talian melalui sistem HRMIS. Dalam hubungan ini, sekiranya LNPT diisi secara manual, maklumat LNPT tersebut masih perlu direkodkan semula ke dalam sistem HRMIS oleh Urus Setia Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) sebagai Data Sejarah LNPT.

3. Untuk Kementerian/Jabatan/Agensi yang masih menggunakan pakai **borang LNPT** secara manual, adalah dipohon untuk mengemukakan borang LNPT asal pegawai **Skim Perkhidmatan Gunasama Persekutuan** kepada Pihak Berkuasa Menyimpan pada minggu ketiga/keempat April atau **selewat-lewatnya 26 April 2015** ke alamat:-

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Bahagian Perkhidmatan  
Aras 1, Blok C2, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 WP PUTRAJAYA  
(u/p: Encik Ahmad Faizal bin Abu Hassan)

4. YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dipohon untuk memastikan **salinan pendua disimpan** di Kementerian/Jabatan/Agensi masing-masing **serta maklumat LNPT telah direkodkan semula ke dalam sistem HRMIS** oleh Urus Setia PPSM sebelum dihantar ke Jabatan ini.

Peneraju Transformasi Perkhidmatan Awam

Driving Transformation In The Public Service



PENGITIRAFAN MS ISO 9001:2008  
NO. SJIL : MY-AR-4697

5. Jabatan ini amat menghargai kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk memaklum dan memanjangkan perkara ini kepada semua Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah tanggung jawab YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan. Sebagai makluman, kegagalan Urus Setia PPSM Kementerian/Jabatan/Agensi mengemaskini rekod LNPT dalam sistem HRMIS boleh menjelaskan proses urusan personel dan kemajuan kerjaya penjawat seperti latihan atau kenaikan pangkat pada masa-masa hadapan.

6. Sebarang pertanyaan berhubung urusan ini boleh diajukan terus kepada pegawai-pegawai berikut:


- i. Encik Ahmad Faizal bin Abu Hassan 03-8887 8611  
faizal.hassan@jpa.gov.my
- ii. Encik Mohd Azlan bin Awang 03-8885 4626  
azlan.awang@jpa.gov.my
- iii. Puan Noraesah binti Mohd Noor 03-8885 4209  
noraesah.md@jpa.gov.my
- iv. Puan Fadhillah binti Idris 03-8885 4208  
fadhillah@jpa.gov.my

7. Segala perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai juga.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

  
**( NORIDAH BINTI ABDUL RAHIM )**  
Timbalan Pengarah Kanan

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
**MALAYSIA**

 03-8885 4022  
 noridah.rahim@jpa.gov.my